

16 NOV 2000

Mahathir-Fujimori

FUJIMORI CARI PERLINDUNGAN POLITIK DI M'SIA "BAHAN KETAWA," KATA MAHATHIR

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan akhbar bahawa Presiden Peru Alberto Fujimori cuba mendapatkan perlindungan politik di Malaysia sebagai "bahan ketawa."

"(Tiada permintaan), saya mendapat tahu daripada beliau, beliau memberitahu saya orang memberitahu bahawa beliau (Fujimori) pergi ke Malaysia untuk mendapatkan perlindungan politik," katanya bercampur ketawa semasanya sidang berita di Istana Darut Taqwa, tempat beliau tinggal semasa sidang kemuncak Apec di sini.

Satu laporan berita asing hari ini menyatakan Fujimori, yang menghadapi masalah politik di negaranya, sedang cuba mendapatkan perlindungan politik di Malaysia.

Dr Mahathir, Fujimori dan pemimpin dari 19 negara lain termasuk Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Presiden China Jiang Zemin dan Presiden Rusian Vladimir Putin berada di sini sejak Selasa lepas untuk menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang kelapan.

Sidang kemuncak itu berakhir hari ini dengan perisytiharan yang bertajuk "Menyampaikan Kepada Masyarakat."

Apabila ditanya dasar Malaysia berkaitan perlindungan politik Dr Mahathir yang berkata kepada pemberita Malaysia menyatakan: "ada orang datang dan tinggal di negara kita tetapi bukan dasar kita memberikan mereka perlindungan politik."

Perdana Menteri berkata walaupun beliau dan Fujimori berkawan baik, ia tidak bermakna beliau memberikan perlindungan politik kepadanya. "Beliau (Fujimori) akan berlepas ke Jepun (selepas Apec), Saya tanya beliau hendak pergi ke mana? Beliau menjawab ke Jepun. Dia tak ada masalah nak lari dari negeri dia," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata di Kuala Lumpur, kerajaan tidak mengetahui berkaitan permintaan perlindungan politik itu.

Beliau berkata kepada pemberita asing selepas menyampaikan derma untuk mangsa banjir Lembah Mekong di Wisma Putra di sini, bahawa kerajaan tidak memberikan respons terhadap laporan akhbar, Saya fikir kita biarkan ia begitu sahaja."

Fujimori pernah melawat Malaysia semasa forum APEC yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan November 1998.

-- BERNAMA

MHI AFY ZS RI